

INI HANYA PREVIEW SAHAJA

2.3 Perkembangan Idea Nasionalisme di Asia

1. Jelaskan perkembangan nasionalisme di India. (8m)

- Penduduk tempatan menentang British.
- Mereka bangkit dalam Dahagi India 1857
- Nasionalisme banyak beri perhatian isu sosioagama
- Brahmo Samaj & Arya Samaj menggiatkan rasa cinta terhadap budaya tempatan
- Kemunculan golongan intelektual membolehkan Gerakan nasionalisme lebih tersusun
- Golongan intelektual menubuhkan Kongres Kebangsaan India (INC) dan Liga Muslim
- Gerakan bersifat keras diketuai golongan nasionalis radikal
- Tokoh Mahatma Gandhi menjadikan satyagraha sebagai pegangan.

2. Jelaskan perkembangan nasionalisme di China. (8m)

Faktor

- Tujuan untuk mengukuhkan peradaban China daripada ancaman orang asing.

- Rakyat menentang terhadap kelemahan pentadbiran Dinasti Manchu.
- Kerana Dinasti Manchu gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat. Gerakan nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat.
- Gerakan dipelopori oleh Dr. Sun Yat Sen.
- Beliau memperkenalkan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i).
- iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial.

Kesan

- Dinasti Manchu digulingkan dan muncul pemerintahan republik di China

3. Jelaskan perkembangan nasionalisme di Mesir. (8m)

Faktor

- Tujuan untuk mempertahankan pemerintahan Islam dari imperialisme.
- Perkembangan nasionalisme mencetuskan gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah.
- Menyeru agar berpegang pada ajaran Islam yang sebenar
- Dan memperbaiki kehidupan masyarakat
- Kumpulan akhbar al-Urwah al-Wuthqa ditubuhkan
- Al-Urwah menyeru umat Islam seluruh dunia melawan imperialisme.

Kesan

- Empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa bangkit berjuang menentang penjajahan Barat
- Perkara ini mempengaruhi kebangkitan Tok Janggut di Tanah Melayu

4. Terangkan perkembangan nasionalisme di Jepun (8m)

Faktor

- Tujuan untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat.
- Maharaja Mikado Meiji (1868) melancarkan gerakan pemulihan Jepun
- menekankan pemodenan mengikut model Barat
- Prinsip dan semangat bushido dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah

Kesan

- Jepun muncul sebagai negara perindustrian dan kuasa tentera yang kuat di Asia pada awal abad ke-20.

2.4 Perkembangan Idea Nasionalisme di Asia Tenggara

5. Terangkan perkembangan nasionalisme di Filipina (8m)

Tahap pertama

Faktor

- muncul untuk menghapuskan penjajahan asing.
- Gerakan propaganda dipimpin oleh Jose Rizal.
- Beliau menuntut Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol

Kesan

- Liga Sepanyol ditubuhkan

Tahap kedua

Faktor

- Munculgerakan Radikal dipimpin oleh Andres Bonifacio selepas kegagalan Liga Filipina
- Beliau menubuhkan Katipunan
- Dan menggunakan akhbar Kalayan untuk sebar idea revolusi
- Beliau bekerjasama dengan Emilio Aguinaldo bagi melancarkan Revolusi Filipina pada 1896

Kesan

- Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat mengusir Sepanyol

- Perisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo pada tahun 1899 tidak diiktiraf oleh Amerika Syarikat
- Filipina diletakkan di bawah penguasaan Amerika Syarikat.

6. Jelaskan perkembangan nasionalisme di Indonesia. (8m)

- Peringkat awal berkisarkan isu Pendidikan.
- Dipelopori oleh Raden Adjeng Kartini.
- Beliau memajukan pendidikan kaum wanita
- Dan menerbitkan Karya Hilang Gelap Terbitlah Terang
- Penubuhan Muhammadiyah
- Bertujuan mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme Barat.
- Muncul perjuangan parti politik radikal
- Contohnya, Soekarno menjadikan PNI sebuah parti berpengaruh

7. Mengapakah berlakunya gerakan nasionalisme di Thailand. (4m)

- Strategi pemodenan Raja Mongkut & Raja Chulalongkorn
- Penguasaan politik oleh kerabat raja
- Kelemahan pentadbiran Raja Vajiravudh.
- Penguasaan ekonomi oleh kapitalis Barat/orang Cina.

8. Terangkan pemodenan yang dilakukan oleh tokoh Raja Mongkut (4m)

- Membina hubungan baik dengan kuasa luar
- Memulakan langkah pemodenan
- Melaksanakan birokrasi Barat
- Penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan dalam bidang pentadbiran, kewangan, pelabuhan, kastam, ketenteraan & polis
- Membawa masuk guru dari Britain
- Dan melaksanakan Pendidikan Barat
- Raja Chulalongkorn meneruskan pemodenan negara dan dasar terbuka
- Menjadikan Thailand bebas daripada kuasa Barat

9. Bagaimana pemodenan yang dilaksanakan berjaya menyelamatkan Thailand daripada penjajahan (4m)

- Pentadbiran yang sistematik
- Hubungan baik dengan Barat/hubungan diplomatik yang erat dengan Barat
- Strategi membawa masuk penasihat pelbagai kuasa Barat menjadikan kuasa Barat berhati-hati
- Pemimpin Thailand berfikiran jauh/ berwibawa seperti Raja Mongkut

2.7 Perkembangan Nasionalisme

17. Jelaskan peranan golongan intelektual dalam melahirkan kesedaran negara dan bangsa di negara kita pada awal abad ke 20 (8m)

a) Intelektual berpendidikan agama (8m)

- Kaum Muda & Gerakan Islah menjadikan Islam sebagai asas kemajuan
- Dipelopori Syed Sheikh al Hadi /Sheikh Muhammad Tahī Jalaluddin/Haji Abbas Mohd Taha
- Terdorong oleh gerakan Islah semasa mereka menuntut di Timur Tengah
- Mereka membawa kemajuan/pemodenan dari aspek sikap/ pentafsiran agama Islam
- Kesedaran terhadap pendidikan menyebabkan lebih banyak madrasah ditubuhkan
- Madrasah Al-Attas di Johor Bahru, Madrasah Al-Khairiah Al-Islamiah di Pokok Sena, Maahad al-Ehya Assharif Gunung Semanggol Perak.
- Wanita berpeluang belajar di madrasah
- Berusaha menyatukan rumpun Melayu & memajukan Islam melalui pentafsiran baharu
- Kesedaran nasionalisme disalurkan melalui akhbar al-Imam, Al-Ikhwan, Neracha, Tunas Melayu

b) Intelektual berpendidikan Inggeris

- Raja Chulan/Raja Abdullah/Mahmud Mat/Mohammad Eunos Abdullah/Raja Uda Raja Muhammad
- Mereka menuntut taraf hidup orang Melayu ditingkatkan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan
- Mereka membuat tuntutan dengan berbaik-baik dengan British
- Mereka juga menggunakan akhbar Warta Malaya/Lembaga Malaya/Utusan Melayu

c) Intelektual berpendidikan Melayu

- Golongan ini lahir daripada Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)
- Guru-guru seperti O.T Dussek/ Abdul Hadi Hassan/Abdul Hadi Abdul Manan/ Harun Aminurrashid
- Mereka meniupkan kesedaran dalam kalangan pelajar yang belajar di SITC
- Kolej ini melahirkan ramai tokoh penulis dan nasionalis

18. Bagaimanakah semangat kebangsaan/nasionalisme dapat dipupuk/dipertingkatkan melalui peranan Intelektual Berpendidikan Melayu?(6-8m)

Soalan boleh juga menjadi: Apakah usaha yang dimainkan oleh Golongan Intelektual Berpendidikan Melayu dalam melahirkan semangat kebangsaan pada abad ke-20?

a) Peranan guru

- Guru-guru seperti O.T Dussek/ Abdul Hadi Hassan/Abdul Hadi Abdul Manan/ Harun Aminurrashid
- Mereka meniupkan kesedaran dalam kalangan pelajar yang belajar di SITC
- Kolej ini melahirkan ramai tokoh penulis dan nasionalis

b) Kewujudan Pejabat Karang Mengarang

- Za'aba menghasilkan buku yang berkualiti
- Pejabat ini mengasah bakat pelajar dalam usaha membangkitkan semangat kebangsaan
- Contoh nasionalis yang berkarya Buyong Adil/ Abdul Hadi Hassan

c) Kemasukan bahan bacaan dari Timur Tengah/ Indonesia

- Menjadikan SITC sebagai sebuah taman ilmu
- Mendedahkan pembaharuan dari negara luar

d) Kurikulum SITC

- menekankan subjek sejarah Mendedahkan keagungan empayar Melayu di Alam Melayu
- Membangkitkan kesedaran kepada penuntutnya

**NAK FULL BAB F4 & F5 YANG
MACAM NI?**

**PM @BEEBEENN DI TELEGRAM
ATAU [T.ME/BEEBEENN](https://t.me/BEEBEENN) FOR
PURCHASE**